MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI KHAMIS, 26 APRIL 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1251-L14238
Datuk Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah aduan yang diterima dan berapakah tindakan yang diambil di bawah Whistle Blower Act 2010 sejak diperkenalkan pada penghujung tahun 2010.

2. PN-1251-L14439
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk membendung harga hartanah di seluruh negara yang melambung tanpa had.

3. PN-1251-L14328
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan masa siaran bagi program Islam dalam Bahasa Tamil di RTM. Waktu siaran sekarang hanya 55 minit/sehari ke udara di Vanavil (saluran radio Tamil sahaja).

4. PN-1251-L14592
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan usaha Kerajaan memperkenalkan langkah pengawasan pendanaan parti politik *(political financing)* khususnya respons parti-parti politik terhadap langkah ini.

5. PN-1251-L13918
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah filem dan drama seram dan cerita hantu yang ditayangkan TV tempatan dari Januari 2011 sehingga sekarang. Adakah Kementerian sedar filem dan drama tersebut boleh merosakkan pertumbuhan minda kanak-kanak.

6. PN-1251-L14571
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan langkah-langkah yang akan diambil bagi menjadikan YBGK lebih mesra pelanggan dan efisien.

7. PN-1251-L14250
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bil pembetungan yang tertunggak oleh pengguna domestik dan industri kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan nyatakan langkah-langkah bagi mengutip tunggakan ini.

8. PN-1251-L14223
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah insentif pihak Kementerian dalam membaik pulih perkhidmatan atas talian bagi pemohon yang ingin mengemukakan persoalan berkaitan taraf kewarganegaraan; dan

(b) adakah pihak Kementerian mengalami kekurangan tenaga kerja yang menguruskan taraf kewarganegaraan.

9. PN-1251-L14167
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah komprehensif yang diambil bagi mengatasi masalah penambahan bilangan warga emas menjelang tahun 2024 mengikut Jabatan Statistik Negara.

10. PN-1251-L14699
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan faktor-faktor kenapakah sektor pembuatan *(manufacturing sector)* masih gagal menyumbang secara lebih signifikan terhadap pendapatan negara berbanding dengan industri petroleum negara sedangkan umum mengetahui begitu banyak insentif dan subsidi dalam pelbagai bentuk telah diberikan oleh Kerajaan kepada industri kecil dan sederhana (SMEs) serta FDI untuk merubah struktur dan kebergantungan ekonomi negara.

11. PN-1251-L14635
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan pihak universiti dalam meningkatkan nilai modal insan terutamanya dalam bidang pengajian ekonomi, perniagaan dan perhubungan antarabangsa.

12. PN-1251-L13957
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif yang diambil oleh Kementerian dan MIDA dalam memastikan nilai perdagangan luar (FDI) terus berdaya saing di sebalik kemelut pemulihan ekonomi yang perlahan di Amerika Syarikat, krisis hutang di Zon Euro, gangguan perdagangan di Asia barat serta faktor bencana alam di Jepun dan Thailand yang menjejaskan rantaian bekalan.

13. PN-1251-L14049
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah keberkesanan usaha penggalakan perlombongan mineral aktif dan lengai yang ada di Malaysia dan jumlah pekerja, premium, pendapatan dan keluasan yang diterokai mengikut negeri sejak tahun 2000.

14. PN-1251-L14665
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pendedahan dalam media sejak kebelakangan ini tentang laman sosial sebagai platform penyebaran kegiatan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender) di negara ini amat membimbangkan. Apakah mekanisme pemantauan Kementerian dalam menangani kegiatan tersebut supaya tidak membabitkan remaja.

15. PN-1251-L14595
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan dan kursus yang ditawarkan oleh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) untuk melahirkan pekerja mahir.

16. PN-1251-L14364
Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan terakhir usaha-usaha menyemak kembali sukatan mata pelajaran Sejarah dari peringkat rendah hingga ke peringkat SPM dan STPM.

17. PN-1251-L14018
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membenarkan syarikat telekomunikasi *(telco)* melepaskan cukai perkhidmatan enam peratus kepada pelanggan prabayar sedangkan tindakan ini menambahkan beban rakyat yang menggunakan perkhidmatan telefon bimbit.

18. PN-1251-L14119
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memperluaskan konsep Kantin 1Malaysia sekolah kebangsaan ke sekolah-sekolah seluruh negara di mana makanan berkhasiat yang dijual pada harga yang berpatutan dan dapat membantu golongan murid dari kalangan berpendapatan rendah.

19. PN-1251-L14425
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini jalan Sapulut-Kalabakan di Sabah yang telah dibina dari tahun 2001 hingga 2007 dengan kos RM565 juta tetapi telah hampir musnah/ rosak sama sekali tidak lama setelah selesai pembinaannya disebabkan oleh kualiti pembinaan dan mutu kerja yang rendah hingga menyebabkan Kerajaan terpaksa mengeluarkan RM270 juta lagi wang pembayar cukai untuk membaikinya.

20. PN-1251-L14469
Dato' Jaspal Singh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah syarikat yang telah memohon dana RM2.5 bilion untuk *"PPP Facilitation Fund"* yang telah diumumkan dalam Bajet 2012. Nyatakan syarikat-syarikat yang telah berjaya serta projeknya. Bagaimanakah projek ini akan membawa peningkatan ekonomi negara dan peluang pekerjaan baru yang akan diwujudkan.

21. PN-1251-L14074
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah tunggakan bil perubatan oleh pekerja asing di hospital Kerajaan mengikut pecahan negeri dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

22. PN-1251-L14525
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani masalah penyeludupan petrol/diesel ke negara jiran. Berapakah kerugian yang dialami oleh negara kita dalam hal ini.

23. PN-1251-L14418
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan setiap hotel mempunyai staf yang dilatih dalam bantuan perubatan pertama *(first aid)* kerana ini amat penting sekiranya wujud apa-apa kecemasan perubatan melibatkan tetamu di hotel.

24. PN-1251-L14569
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kejayaan-kejayaan TEKUN Nasional di dalam membantu menambah bilangan pengusaha-pengusaha kecil dengan skim mikro kredit dan apakah kedudukan non-performing loan (NPL) setakat ini, dengan pecahan menurut negeri dan jenis perniagaan. Apakah kelemahan-kelemahan dalaman yang mengekang prestasi TEKUN Nasional serta cabaran-cabaran yang dihadapi sekarang.

25. PN-1251-L14248
Dato' Zaitun binti Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi menangani masalah kewujudan laman web yang memaparkan perkembangan kumpulan ajaran sesat dan menjadi medan interaksi antara pengamal ajaran sesat ini.

26. PN-1251-L14285
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memperkasakan peranan bapa dalam keluarga bagi memastikan kita dapat membangunkan masyarakat secara holistik dan melahirkan generasi yang maju dan berintegriti.

27. PN-1251-L13947
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menyemak semula dasar membenarkan warganegara asing bekerja dalam sektor yang sudah menggunakan tenaga kerja tempatan di mana ia dilihat bakal menindas pekerja tempatan kerana gaji atau upah yang ditawarkan lebih murah.

28. PN-1251-L14473
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India dalam program-program yang berkaitan dengan Pelan Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi, sambil memastikan agar peluang yang diwujudkan ini dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

29. PN-1251-L14400
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah jumlah warganegara Malaysia yang bekerja di luar negeri mengikut negara dengan pecahan kaum (mengikut kaum).

30. PN-1251-L14384
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes penculikan pada tahun 2005 hingga 2011 mengikut pecahan kaum dan berapa kes berjaya diselesaikan.

31. PN-1251-L14254
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah cadangan Kementerian untuk memberikan penarafan bintang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara bagi menilai penguasaan Bahasa Kebangsaan di tempat awam mampu memartabatkan Bahasa Kebangsaan.

32. PN-1251-L14311
Tuan Chiew Lian Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis biasiswa dan pinjaman akan masih diperuntukkan kepada para pelajar yang telah mengambil peperiksaan SPM tahun 2011 dan apakah langkah-langkah untuk membantu golongan pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan cemerlang.

33. PN-1251-L14202
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kes orang hilang yang melibatkan gadis-gadis yang semakin meningkat dewasa ini.

34. PN-1251-L14134
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selain penghebahan tentang gejala murtad yang semakin berleluasa, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah dana kepada Sekolah Agama Rakyat .

35. PN-1251-L14251
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-

(a) semenjak pelaksanaan Baucar Buku 1Malaysia sehingga kini, berapa orang pelajar/mahasiswa Tingkatan Enam, Matrikulasi dan Universiti telah pun menerima manfaat daripada baucar tersebut; dan

(b) adakah pelajar IPG dan KPLI termasuk dalam program tersebut dan sekiranya ya, berapakah orang pelajar di bawah golongan ini yang telah mendapat Baucar Buku 1Malaysia tersebut.

36. PN-1251-L14718
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan masa depan negara berhubung dengan langkah-langkah memperkenalkan produk-produk halal. Contohnya, negara Thailand telah menubuhkan sebuah universiti untuk tujuan tersebut.

37. PN-1251-L14166
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan pihak Kementerian dan pihak keselamatan khususnya PDRM dalam mencari kaedah siasatan baru dalam menjalankan siasatan dan menyelesaikan kes-kes jenayah seiring dengan persekitaran jenayah yang semakin moden.

38. PN-1251-L14008
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah pusat jagaan kanak-Kanak yang terdapat di seluruh negara mengikut negeri. Apakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan syarikat *'multinational'* dan syarikat GLC menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja mereka.

39. PN-1251-L14451
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia mempunyai data kebangsaan yang lengkap mengenai risiko keselamatan dan kesihatan bagi semua industri dan tempat kerja di Malaysia dan data berkenaan boleh dikongsi dengan pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan di seluruh negara.

40. PN-1251-L14108
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Skim Rumah Pertamaku semenjak skim ini dilancarkan dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.

41. PN-1251-L14144
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan permit bagi pengangkutan bahan-bahan berbahaya lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana Kerajaan bersedia menerima kilang nadir bumi dan loji tenaga nuklear pada masa hadapan.

42. PN-1251-L14039
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk menjadikan sekolah satu jantina di dalam negara untuk meningkatkan teknik pendekatan dan pengajaran ke atas gender yang sama agar pelajar lelaki lebih berdaya saing antara mereka dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka ke peringkat universiti yang kini kian mengecil.

43. PN-1251-L13908
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang usaha Kerajaan bagi membanteras masalah orang-orang Islam yang akan menukar agama Islam kepada agama-agama lain. Apakah ada usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan Rang Undang-undang Murtad di Malaysia.

44. PN-1251-L14673
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk membina sebuah hospital khusus untuk kaum wanita dan anak-anak Sarawak seperti diperuntukkan dalam Bajet 2012, sebuah hospital tersebut akan dibina di Kuala Lumpur melalui perkongsian awam swasta.

45. PN-1251-L14728
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah jawatan yang akan diperuntukkan oleh Kementerian untuk memenuhi keperluan guru J-QAF di sekolah-sekolah menengah Kerajaan susulan daripada pengumuman Kerajaan bahawa J-QAF akan dilaksanakan di peringkat sekolah menengah pada tahun ini. Apakah sasaran yang ingin dicapai di peringkat sekolah menengah daripada keperluan guru J-QAF di peringkat sekolah menengah.

46. PN-1251-L14652
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah *blogger* serta pemilik laman sosial di negara ini yang didakwa di mahkamah atas tuduhan menghasut dan menyebarkan fitnah.

47. PN-1251-L13930
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar MISC telah dijual dan jika benar, nyatakan sebab-sebabnya. Nyatakan juga sehingga kini nama pelabuhan yang MISC masih beroperasi.

48. PN-1251-L14000
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah penjualan ubat-ubatan yang diragui pengesahan oleh Kementerian yang dijual secara berleluasa serta nyatakan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sepanjang 2011.

49. PN-1251-L14686
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa Kementerian mempunyai hak untuk mengakses butir-butir peribadi seseorang meskipun terdapat peruntukan undang-undang baru di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, tanpa mengambil kira hak-hak asasi rakyat Malaysia iaitu hak privasi daripada penggunaan butir-butir peribadi dari diguna pakai oleh mana-mana pihak, termasuklah pihak Kerajaan tanpa keizinannya.

50. PN-1251-L14679
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah *'Private Placement Programme'* yang sering dipromosikan ini sah dari segi undang-undang yang sering menjanjikan pulangan tinggi dan apakah kriteria yang dikenakan oleh Bank Negara dalam memastikan tiada individu yang tertipu dalam program sedemikian memandangkan ianya sering melibatkan bank-bank dari luar negara.

51. PN-1251-L14641
Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak pengumuman Perdana Menteri di Pendang, Kedah pada 25 Februari 2012 lalu mengenai kedudukan masyarakat Siam diiktiraf sebagai Bumiputera, adakah pelajar keturunan Bumiputera Siam yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia berpeluang mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam, termasuk Universiti Teknologi MARA, serta kemudahan lain seperti sama seperti kaum Bumiputera lain di negara ini.

52. PN-1251-L14322
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi di seluruh negeri Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman.

53. PN-1251-L14515
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kedudukan sebenar kelebihan guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina di sekolah-sekolah rendah Cina. Apakah sebab-sebabnya dan apakah tindakan berkesan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

54. PN-1251-L14386
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengemukakan data-data jumlah penggunaan air di setiap negeri sejak tahun 2005 sehingga 2010. Apakah langkah yang akan dikemukakan untuk mengalakkan penjimatan penggunaan air oleh rakyat.

55. PN-1251-L14275
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status perkembangan perbankan Islam di negara ini bilakah negara akan mencapai hub perbankan Islam di dunia.

56. PN-1251-L13898
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang hala tuju Dasar Agromakanan Negara (DAN) ke arah menjadikan negara berpendapatan tinggi. Jelaskan juga tentang usaha menangani bil pengimportan hasil-hasil makanan seperti ikan, daging lembu, jagung, gandum, ayam dan susu segar yang saban hari semakin tinggi. Apakah ada usaha Kementerian untuk melaksanakan projek-projek pertanian secara *"reserve investment"* di negara-negara ASEAN untuk menangani pengaliran wang ke luar negara.

57. PN-1251-L14625
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan masalah jurang digital antara pelajar bandar dan luar bandar menjadi satu masalah dan penembusan (akses) kepada Internet menjadikan sebahagian besar pelajar luar bandar masih ketinggalan. Sejauh mana pemberian komputer 1Malaysia oleh Kerajaan mampu mengatasi masalah ini dan apakah ia benar-benar memberi manfaat kepada pelajar di luar bandar.

58. PN-1251-L14033
Dato' Ng Fook Heng minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah kemudahan/bantuan yang disediakan bagi menolong para pengusaha *"homestay"* terutamanya di luar bandar seperti di Sg. Lembing.

59. PN-1251-L14263
Datuk Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah kadar kemiskinan di Sabah masih tinggi sedangkan ia sudah ditadbirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak 1994 dan penggiliran Ketua Menteri sudah pun dihapuskan.

60. PN-1251-L14300
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa jelas kelihatan bahawa para peniaga India Muslim tidak pernah/tidak ada diberi ruang untuk berniaga di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) sepanjang semua lebuh raya di negara ini.

61. PN-1251-L14542
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar sekarang terdapat sindiket yang terdiri daripada pegawai bank, jurulelong dan *'reviver'* yang berpakat untuk menjual dengan harga yang amat murah aset yang telah dicagarkan kepada bank dan peminjam gagal menjelaskan pinjaman bank.

62. PN-1251-L14582
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah usaha Kementerian membantu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang kurang mendapat sambutan pelajar di luar bandar dipindahkan ke bandar yang tinggi permintaannya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang dan masalah dicadangkan:-**

   " Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

   " Ampun Tuanku,

   Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas."

   Menyambung semula perbahasan atas masalah (25 April, 2012)

2.	(D.R. 3/2012)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 **[Kementerian Kewangan]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R. 44/2011)	Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2011 **[Kementerian Kerja Raya]**	"
4.	(D.R. 1/2012)	Rang Undang-undang Pengantaraan 2012 **[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**	"
5.	(D.R. 2/2012)	Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 **[Menteri Pengangkutan]**	"
6.	(D.R. 6/2012)	Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2012 **[Kementerian Kewangan]**	"
7.	(D.R. 5/2012)	Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012 **[Kementerian Kewangan]**	"

8.	(D.R. 7/2012)	Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012	**Bacaan Kali Yang Kedua**
		[Kementerian Kewangan]	
9.	(D.R. 15/2012)	Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
10.	(D.R. 18/2012)	Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
11.	(D.R. 17/2012)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
12.	(D.R. 16/2012)	Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
13.	(D.R. 13/2012)	Rang Undang-undang Laut Wilayah (Pindaan) 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
14.	(D.R. 20/2012)	Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
15.	(D.R. 21/2012)	Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012	“
		[**Kementerian Dalam Negeri]**	
16.	(D.R. 4/2012)	Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
17.	(D.R. 11/2012)	Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012	“
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	

18.	(D.R. 12/2012)	Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012	**Bacaan Kali Yang Kedua**
		[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]	
19.	(D.R. 8/2012)	Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012	"
		[Kementerian Pengajian Tinggi]	
20.	(D.R. 9/2012)	Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012	"
		[Kementerian Pengajian Tinggi]	
21.	(D.R. 10/2012)	Rang Undang-undang Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012	"
		[Kementerian Pengajian Tinggi]	
22.	(D.R. 14/2012)	Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012	"
		[Kementerian Kewangan]	
23.	(D.R. 23/2012)	Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012	"
		[Kementerian Dalam Negeri]	

24. **PN-1251-U13929**
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum tentang kecekapan sistem pengangkutan awam yang merupakan sebahagian daripada kelestarian dan keharmonian mana-mana sempadan di dunia. Kecekapan berkenaan perlu diwujudkan selari dengan pertambahan penduduk yang begitu cepat. Ini menyebabkan bandaraya-bandaraya besar termasuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain sentiasa dilanda kesesakan lalu lintas yang mendesak. Kadangkala, untuk sampai ke destinasi yang berada di sekitar 5km sahaja akan mengambil masa yang agak lama. Ini merugikan masa, tenaga, minyak petrol dan keharmonian di kalangan pengguna pengangkutan awam. Dewan juga sedia maklum bahawa kereta persendirian juga masih banyak digunakan biarpun berlaku penurunan tetapi ternyata masih tinggi iaitu 34% (1985) turun kepada 20% (1997) dan 10-12% (2008). Namun, penurunan penggunaan kereta persendirian akibat sistem pengangkutan awam yang telah ditambah baik melalui pengenalan pengangkutan rel transit seperti Komuter, LRT, STAR dan bas rapid yang semakin banyak (tersusun) bukan bermakna rakyat berpuas hati dengan apa yang terhidang di hadapan mata mereka.

Justeru, Dewan ini diseru supaya pihak Kerajaan mempercepatkan transformasi terhadap sistem pengangkutan darat selari dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Kerajaan juga diseru untuk mengurangkan kesesakan di kawasan-kawasan perniagaan; mempertingkatkan jumlah bas berhenti-henti di samping monorel yang lebih teratur dengan pelaksanaan piawaian perkhidmatan yang lebih canggih dan bersistematik. Kerajaan juga perlu mengambil kira projek-projek infrastruktur yang memungkinkan integrasi stesen dan kemudahan-kemudahan "park and ride" yang lebih lestari dan teratur seperti yang sedang dilakukan di Putrajaya."

(Menteri Di Jabatan Perdana Menteri)

25. PN-1251-U13942
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini sedia maklum tentang Kerajaan Indonesia yang telah bermain tarik tali di dalam isu pembantu rumah (amah). Ketika mengadakan perbincangan di antara Kerajaan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin. Namun, secara tiba-tiba pula, Kerajaan Indonesia mengumumkan untuk menghantar rakyat mereka yang terlatih sebagai amah untuk bekerja di dalam satu bidang kerja sahaja dengan gaji RM700 sebulan. Bayangkan apa akan jadi kepada keluarga yang bekerja yang tidak tentu masa, sudah tentu merumitkan mereka untuk membersih pakaian, menyediakan makan minum untuk keluarga dan untuk membersih/mengemas rumah. Kita faham bahawa pembantu rumah atau amah diperlukan untuk membantu keluarga menjaga anak-anak mereka yang bekerja/keluar mencari rezeki. Dewan ini juga sedia maklum bahawa prestasi kerja dan kedamaian keluarga juga berlaku akibat suasana rumah tangga yang harmoni. Sekiranya keadaan hiruk pikuk di rumah dengan keadaan persekitaran di dalam rumah yang lintang pukang; anak-anak yang terbiar; makanan yang tidak terurus, sudah tentu hasil kerja dan produktiviti seseorang itu akan terganggu. Maka, Dewan ini, disaran supaya Kementerian Sumber Manusia (KSM) membuka ruang kepada pengusaha-pengusaha latihan untuk memberikan perkhidmatan dan latihan kepada anak-anak muda tempatan untuk berkhidmat sebagai amah secara sistematik. Jika perlu, satu kurikulum berkaitan yang dikenali Aloss perlu digubal dan disebar-luas kepada pengusaha yang berminat. Satu tempoh masa perlu diberi perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan anak-anak kita dijaga oleh pekerja tempatan yang lebih memahami budaya dan cara hidup serta agama yang dianuti di Malaysia. Selain itu, di masa sama, ianya menjimatkan Kerajaan dari segi pengaliran wang keluar negara yang berjumlah lebih RM5 bilion setahun. Ianya juga untuk mengurangkan masalah gejala sosial dan salah laku yang berlaku ke atas keluarga dan amah yang bekerja di negara kita. "

(Menteri Sumber Manusia)

26. PN-1251-U13943
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh banyak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan dasar luar Malaysia. Antara yang begitu ketara apabila beliau secara terang-terangan tanpa segan silu menyokong supaya semua negara memelihara keselamatan/keamanan Israel. Sedangkan beliau tahu Israel adalah negara haram. Israel adalah negara "atas angin" sahaja tanpa berpaksi kesahihan undang-undang antarabangsa. Namun, Anwar telah menegaskan dalam The Wall Street Journal bahawa negara itu perlu diperlihara. Ini bermakna Anwar telah menggadai prinsip demokrasi, mengguris perasaan orang-orang Islam bahawa negara yang sah iaitu Palestin; merobek persefahaman negara-negara Islam yang lain terhadap Malaysia kerana Anwar dikenali atas perjuangannya dulu di dalam ABIM (yang akhir-akhir ini jauh terpesong) dan semangat musyawarah di kalangan negara-negara Islam yang menyokong Palestin. Justeru, Dewan ini didesak untuk mengambil satu tindakan terhadap kes-kes seperti yang dilontar oleh Anwar dengan mengadakan peraturan ke atas sesuatu komen atau pandangan bersandarkan sensitiviti negara-negara yang mahu diberi komen dengan mengambil kira fahaman agama dan geopolitik setempat. Maka Kerajaan diminta menyediakan garis panduan atau peraturan ke atas kebebasan mengeluarkan pendapat tanpa menidakkan fakta dan dasar luar negara Malaysia. Ini penting bagi memastikan kedaulatan negara kita tidak tercemar oleh sepatah perkataan yang sengaja dihemburkan demi untuk suatu bentuk simpati politik peribadi yang akhirnya merosakkan imej Malaysia di mata dunia."

(Menteri Luar Negeri)

27. PN-1251-U14222
Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah penting bagi membolehkan rakyat untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan terutamanya keputusan-keputusan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu satu Kerajaan yang telus dan bertanggung jawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan.

Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan memgambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara KOMANWEL yang lain. "

(Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

28. PN-1251-U14225
Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

(i) Mengubah dan meningkatan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.

(ii) Memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.

(iii) Mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.

(iv) Memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

(v) Memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggal di estate, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.

(vi) Menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN NEGARA)

TAHUN 2012	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.3	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun 2010.	26 April 2012
ST.16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia Bagi Tahun 2010.	26 April 2012
ST.18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Bagi Tahun 2010.	26 April 2012
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman Bagi Tahun 2010.	26 April 2012